



KOPI PAHIT

Tengku Abdul Rahman telah mengisytiharkan bahawa kalau beliau bersara yang menggantikan beliau ialah Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri. Pengumuman ini sememangnya ditunggu-tunggu dan diharap-harap oleh orang Melayu. Melihat kepada keadaan sekarang, menunggu Tengku bersara rasa sudah banyak terlambat mungkin keadaan yang dihadapi orang Melayu sudah terlampau berat. Kerana itu rasanya sudah masanya dari sekarang Tengku menyerahkan jawatan itu kepada Tun Abdul Razak sebab Tengku selama ini “terlampau lembut dan terlampau baik”. Tengku mungkin melupakan pepatah Melayu “buat baik berpada-pada buat jahat jangan sekali” — kan begitu Tengku?!

* * *

Dato' Haji Hassan Yunos, Menteri Besar Johor dikatakan telah menangis menafikan fitnah-fitnah yang dihadapkan kepadanya dengan kononnya beliau ada menyimpan banyak wang di Switzerland. Ini adalah suatu gambaran bahawa rakyat sentiasa membuka mata dan memerhati tiap-tiap gerak-geri pemimpin mereka. Kerana itu fatwa yang menghendaki seseorang pegawai tatkala memegang jawatannya mengisytiharkan hartanya kepada umum sebelum memegang jawatan adalah suatu perkara yang molek! Orang-orang pun tahu juga anti rasuah adalah berjalan terhadap kepada yang kecil tetapi kepada yang besar mungkin tidak dapat dijalankan sebabnya... *wallāhu a'lam!*

* * *

Seorang Israel telah diperintahkan keluar dari Malaysia sebagai orang yang tidak diingini. Khabarnya orang ini merosakkan hubungan Malaysia dengan negara Arab Bersatu. Di dalam riwayat Islam dan al-Qur'ān banyak disebut keingkaran, kemungkiran dan sebagainya mengenai Banī Isrā'īl tetapi negara Malaysia mengakui Israel

rupanya tidak percaya kepada cerita al-Qur'ān bahkan ada pula golongan yang mahu berkawan dan berkasih sayang dengan Israel tetapi masih cuba pula berkawan dengan negara Arab Bersatu. Begitulah manusia — amaran Tuhan tidak diindahkan!

* * *

“Tiap-tiap sesuatu tidak semuanya buruk tidak semuanya yang tidak ada manfaatnya” — kata Almarhum Kiyai Fadlullah Suhaimi tatkala mempengerusikan Persidangan Mengkaji Rang Undang-undang Islam (1960) di dalam bulan April 1961 dahulu. Ini betul ada di dalamnya yang baik dan patut disokong ialah orang-orang yang bakal merosakkan anak-anak dara atau anak orang — melarikan atau membawa lari dari kawalan orang tuanya boleh dihukum hingga tiga tahun atau didenda sebanyak \$500. Sebab itu pemuda-pemuda pengacau keluarga orang mesti berhati-hati dan beringat-ingat ya!

* * *

Seramai 10 orang imam-imam, guru-guru agama, *'āmil-'āmil* dan bekas-bekas penghulu telah berjaya mendapat bantuan sebanyak \$500 wang kumpulan zakat fitrah negeri Perak kerana menunaikan fardu haji. Allah mak'! Bagaimana hak *fuqarā'* dan *masākīn* telah dirampas dan diambil untuk orang menunaikan fardu haji! Tidakkah kutipan zakat fitrah itu diuntukkan Rasulullah untuk menyukakan fakir dan miskin! Jaga-jaga nanti tanggungan di hadapan Tuhan!

* * *

Menteri Hal Ehwal Masyarakat dan Kebudayaan Singapura, A. Othman Wok, di dalam kenyataannya kepada wakil akhbar Utusan Melayu mengatakan bahawa terjemahan Rang Undang-undang Pertadbiran Islam 1965 akan diusahkannya. Di dalam masa menulis ini, sudah masuk minggu pertama bulan Februari belum ada terdengar terjemahan itu ada diterbitkan. Seorang kawan berkata barangkali terjemahannya menunggu sudah habis bulan Februari masuk kepada bulan *March* — ertinya sudah habis tempoh membahasnya. Kalau dah gitu buat apalah kata —

Cemeti al-Farouk

¹ Juga dibaca sebagai alamak.